

**CIRI BAHASA MANUSIA**  
**HOCKETT (1960) DAN COOK (2003)**  
**SERTA**  
**JENIS BAHASA BUKAN VERBAL DEVITO (2013)**  
**DALAM**  
**SIDANG MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**DI**  
**RTM 1**  
**(28 APRIL 2020)**

NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ  
NO MATRIK: 141428  
EMAIL: [nurulfikrah091@gmail.com](mailto:nurulfikrah091@gmail.com)  
NO TELEFON: 01129436977

## KERANGKA LATIHAN TUTORIAL 1

### 1. PENDAHULUAN

### 2. CIRI BAHASA MANUSIA HOCKETT (1960)

- a. saluran suara-pendengaran
  - i. contoh - 'Eh! Apasal dia ada lagi ni?' (minit 1:02)
- b. pengkhususan
  - i. contoh

### 3. CIRI BAHASA MANUSIA COOK (2003)

- a. ambilan giliran
  - i. contoh
- b. keduaan struktur
  - i. contoh

### 4. JENIS BAHASA BUKAN VERBAL DEVITO (2012)

- a. Jenis 1
  - i. Contoh
- b. Jenis 2
  - i. Contoh

### 5. PENUTUP

## 1. Pengenalan

Saya akan menjelaskan tentang beberapa ciri bahasa manusia berdasarkan penerangan dari Hockett (1960) dan Cook (2003) yang dapat dikenalpasti dalam paparan video Sidang Media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di RTM 1 <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/videos/351549455804171/>

Ciri bahasa manusia oleh Hockett (1960) yang dapat dikenalpasti ialah Penghantaran Siaran dan Penerimaan Berarah serta ciri Kesalingtukaran. Manakala bagi ciri bahasa manusia menurut Cook (2003) yang boleh dikaitkan dengan paparan Sidang Media Kementerian Kesihatan Malaysia ialah ciri ambilan giliran dan ciri kebersandaran struktur.

Selain itu, saya juga dapat mengenalpasti beberapa jenis bahasa bukan verbal berdasarkan keterangan Devito (2013) dalam paparan sidang media tersebut. Antara jenis bahasa bukan verbal ialah parabahasa dan kinesik.

## 2. Ciri Bahasa Manusia Hockett (1960)

Berdasarkan ciri bahasa manusia oleh Hockett iaitu Penghantaran Siaran dan Penerimaan Berarah yang mana ciri ini menerangkan mengenai bahasa yang dituturkan oleh seorang penutur kepada semua arah pendengar. Namun begitu, penutur dikatakan hanya memilih suara yang betul-betul terarah kepadaanya bukan yang terarah kepada titik sasaran lain. Sebagai contohnya, ketika Dr Noor hisyam menyampaikan sidang media harian Covid-19, terdapat seorang wartawan yang mengemukakan soalan kepadaanya dan Dr Noor hisyam menjawab soalan tersebut dengan memandang ke arah wartawan itu (minit ke 41:05). Tidak dinafikan pada ketika itu, semua hadirin yang hadir mendengar jawapan Dr Norhisyam namun pandangan beliau lebih tertumpu kepada wartawan yang mengemukakan soalan.

Ciri kedua yang dapat saya kenal pasti melalui paparan sidang media ini ialah ciri kesalingtukaran yang bermaksud seorang individu yang menjadi penutur boleh bertukar menjadi pendengar ketika individu lain sedang bertutur. Contohnya, ketika seorang wartawan RTM iaitu Rosmah mengatakan, “Kalau kita dapati ada trend terkini maksudnya banyak covid positif melibatkan pasar-pasar basah contohnya di Pasar Jalan Osman dan Taman Megah.....” (43:58). Ketika Rosmah memberi kenyataan tersebut, berlakunya kesalingtukaran kerana Rosmah bertutur selepas Dr Noor Hisyam memberi kenyataan yang pada masa itu, Rosmah bertindak sebagai pendengar tetapi keadaan berubah apabila Rosmah bertutur dan Dr Noor Hisyam pula yang menjadi pendengar.

## 3. Ciri Bahasa Manusia Cook (2003)

Ciri bahasa manusia Cook (2003) yang terdapat dalam paparan sidang media ialah ciri ambilan giliran. Ambilan giliran ini menujukkan situasi perbualan dimana seseorang individu itu tahu bilakah waktu yang sesuai untuk si A, B dan lain-lain individu untuk berbicara mengikut aturan giliran masing-masing.

Kita lihat pada minit ke 35:03, Dr Noor hisyam mengatakan, “Saya tak habis lagi bagi jawapan pada soalan itu tadi”. Keadaan ini menunjukkan bahawa Dr Noor hisyam tahu bilamana waktu yang sesuai dan tepat untuk wartawan lain bertanyakan soalan kepada beliau.

Ciri bahasa kedua yang dapat saya jelaskan berdasarkan paparan sidang media ini ialah **kebersandaran struktur**. Secara amnya, semua mengetahui bahawa setiap individu yang menggunakan bahasa untuk bertutur atau menulis perlu mempunya penstrukturran yang betul iaitu perlu mempunyai, pendahuluan, penerangan isi kandungan serta penutup bagi menghasilkan ucapan atau penulisan yang lengkap. Berdasarkan paparan video ini, Dr Noor Hisyam memberi salam kepada semua rakan media dan semua peserta yang hadir dalam sidang media Covid-19 (minit ke 18:51). Apabila sesi menjawab soalan tamat, beliau mengucapkan terima kasih memberi salam penutup kepada semua peserta media yang hadir (jam 1:00:12).

#### 4. Jenis Bahasa Bukan Verbal Devito (2013)

Menurut Devito (2013), terdapat beberapa jenis bahasa bukan verbal yang terdapat dalam bahasa berdasarkan paparan sidang media antaranya ialah **Parabahasa**. Parabahasa ini merupakan sebarang bunyi dari organ pertuturan manusia tetapi tidak membawa makna perkataan tetapi membawa maksud kepada aspek fungsi ayat itu. Sebagai contohnya, “Ermhhh. Bolehkah saya ingin mengatakan sesuatu”, ayat ini menunjukkan penutur mungkin sedang berfikir adakah soalan yang bakal ditanyakan sesuai atau tidak. Parabahasa yang ingin saya tekankan di sini lebih kepada penerangan elemen pemisah suara ('uh', 'mmm'). Elemen ini jelas terbukti ketika minit ke 39:27, dimana seorang wartawan lelaki yang memakai penutup hidung mengatakan, “erm erm erm adakah melihat ada pengurangan?”, ayat ini jelas menunjukkan bahawa wartawan tersebut cuba mencari perkataan yang sesuai untuk digunakan bagi bertanyakan soalan kepada Dr Noor Hisyam.

Berdasarkan jenis bahasa bukan verbal kedua yang saya peroleh melalui video ini ialah **kinesik**. Kinesik merujuk kepada penggunaan beberapa jenis pergerakan badan seperti mengaru-garu kepala yang sebenarnya tidak gatal atau meletakkan tangan ke dada (Chaney & Martin, 2000: 113). Kita sendiri tahu, bahawa terdapat banyak pergerakan anggota badan yang berlaku ketika siaran langsung tersebut seperti Dr Noor Hisyam menggerakkan kedua-dua tangannya ketika menyampaikan warta pada sidang media (minit 45:03).

#### 5. Penutup

Secara kesimpulannya, saya menemui beberapa perkara dalam paparan sidang media Kementerian Kesihatan Malaysia secara langsung iaitu Ciri Bahasa Hockett (1960) seperti Penghantaran Siaran dan Penerimaan Berarah serta ciri Kesalingtukaran. Manakala ciri bahasa bagi Cook (2003) pula ialah, ambilan giliran dan ciri kebersandaran struktur. Selain itu, terdapat dua jenis bahasa bukan verbal menurut Devito (2013) iaitu parabahasa dan kinesik.

**Rujukan**

Kamus Dewan Edisi Kedua. (2017). Pusat Rujukan Persuratan Melayu.  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=semantik>

Sławomir Wacewicz & Przemysław Żywiczyński. (2015). Language Evolution: Why Hockett's Design Features are a Non-Starter. *Journal of Biosemiotics*, 8 (29–46)

	KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT	N.A 0	LEMAH 1	SEDERHANA 2	BAIK 3	CEMERLANG 4	MARKAH (PELAJAR)	MARKAH (PENGAJAR)
1	Pengenalan	1	Pengenalan tidak diberikan.	Pengenalan yang sangat umum atau tidak menjurus kepada tujuan latihan tutorial.	Pengenalan yang ringkas dan kurang menjurus kepada tujuan latihan tutorial.	Pengenalan yang baik dan menepati tujuan latihan tutorial berserta dengan huraihan.	Pengenalan yang menepati tujuan latihan tutorial berserta huraihan lengkap dan baik.	3/4	/4
2	Membincangkan DUA ciri bahasa manusia berlandaskan Hockett (1960) yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.  [Pastikan tidak mengulang ciri yang seakan-akan Cook (2003) yang menggunakan istilah yang berbeza.]	4	Tiada perbincangan dinyatakan.	Membincangkan perkara berkaitan terlalu umum atau kurang tepat.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang minima.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penjelasan yang baik.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	12/16	/16

3	<p><b>Membincangkan DUA ciri bahasa manusia berlandaskan Cook (2003) yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.</b></p> <p>[Pastikan tidak mengulang ciri yang seakan-akan Hockett (1960) yang menggunakan istilah yang berbeza.]</p>	4	Tiada perbincangan dinyatakan.	Membincangkan perkara berkaitan terlalu umum atau kurang tepat.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang minima.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penjelasan yang baik.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]		12/16	/16
4	<p><b>Membincangkan DUA jenis bahasa bukan verbal berlandaskan Devito (2013) yang dikenal pasti wujud dalam sidang media KP KKM di RTM1 yang disiarkan pada 28 April 2020.</b></p>	4	Tiada perbincangan dinyatakan.	Membincangkan perkara berkaitan terlalu umum atau kurang tepat.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan, tetapi terlalu umum atau kurang tepat.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penghuraian yang minima.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan secara minima.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan penjelasan yang baik.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan baik.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]	Membincangkan perkara berkaitan dengan tepat serta penghuraian yang lengkap dan sempurna.  1 contoh turut disediakan dan dihuraikan dengan sempurna.  [Contoh yang disediakan hanya boleh digunakan]		12/16	/16

			<b>sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</b>			<b>sekali sahaja dalam latihan tutorial ini.]</b>			
5	<b>Kesimpulan</b>	<b>1</b>	Tiada kesimpulan diberikan.	Gagasan kesimpulan yang lemah dan penjelasan tidak relevan dengan penerangan bahagian isi.	Gagasan kesimpulan yang ringkas dan penjelasan tidak relevan dengan penerangan bahagian isi.	Gagasan kesimpulan menyeluruh dan penjelasan relevan dengan penerangan bahagian isi, tetapi tidak menjelaskan sebarang penambahan idea.	Gagasan kesimpulan yang menyeluruh dan penjelasan relevan dengan penerangan bahagian isi serta menjelaskan penambahan idea.	<b>3/4</b>	<b>/4</b>
6	<b>Format</b> <b>(Muka hadapan, Isi kandungan, kerangka, penomboran halaman, format rujukan APA , nama fail, gantian, padaman arahan dll.)</b>	<b>2</b>	5 atau lebih kesalahan	4 kesalahan	3 kesalahan	2 kesalahan	1 kesalahan atau tiada kesalahan	<b>4/8</b>	<b>/8</b>
7	<b>Tatabahasa (termasuk penggunaan tanda bacaan dan ejaan) RUJUK NAHU PRESKRIPTIF DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.</b>	<b>4</b>	5 atau lebih kesalahan	4 kesalahan	3 kesalahan	2 kesalahan	1 kesalahan atau tiada kesalahan	<b>/20</b>	<b>/20</b>
	<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>						<b>/84</b>	<b>/84</b>

**Markah untuk 5% =  $[(W * 84)/100 * 5]/100$**

**MEMPLAGIAT DAN MENIRU AKAN MENYEBABKAN ANDA MENDAPAT 'KOSONG'**